SOALAN NO : 295

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD NIZAR B. HAJI ZAKARIA [PARIT]

SOALAN

YB DATO' MOHD NIZAR B. HAJI ZAKARIA [PARIT] Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang pemantauan serta kawal selia teks Al-Quran dalam laman internet yang dilihat terdedah kepada penyelewengan dan salah tafsir Al-Quran kepada umat Islam.

SOALAN NO : 295

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

(a) Kawal selia al Quran dibuat melalui Akta Pencetakan Teks Al Quran (APTQ) 1986. Kawalan dibuat merangkumi semua rantaian yang meliputi aktiviti penerbitan, pencetakan, pengimportan, penjualan dan juga pengedaran al Quran.

(b) Ia dilaksanakan melalui sebuah lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al Quran (LPPPQ) yang bertindak sebagai badan berkuasa dalam mengawal selia al Quran. LPPPQ dianggotai oleh Ketua Pengarah JAKIM dan juga para mufti seluruh Malaysia yang mewakili negeri-negeri.

(c) Berdasarkan peruntukan seksyen 6 dan 7, APTQ 1986, setiap al-Quran yang diimport, diterbitkan, dicetak, dijual atau diedarkan di Malaysia hendaklah mempunyai kelulusan atau "perakuan betul" LPPPQ. Pengedaran dan penjualan al Quran yang mempunyai kesilapan atau tidak mempunyai kelulusan adalah merupakan satu kesalahan di bawah akta ini.

(d) Bagi memastikan al Quran diedarkan dan diimport menepati garis panduan yang ditetapkan, pemantauan secara berkala diadakan di premis-premis jualan al Quran dan juga di semua pintu masuk negara.

(e) Selain pemantauan di pintu-pintu masuk negara dan juga di premis-premis jualan/edaran, pemantauan turut dilakukan terhadap al Quran yang dijual atas talian serta al Quran yang berada di laman-laman internet. Pemantauan dilakukan bagi membendung kesalahan penulisan ayat-ayat al Quran dan juga penyelewengan terjemahan atau tafsiran al Quran. Dalam aspek terjemahan atau tafsiran, pemantauan akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sekiranya dikesan sebarang penyelewengan pada ayat atau penyelewengan pada terjemahan atau tafsiran al Quran, aduan akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan lanjut termasuk sekatan terhadap laman-laman terbabit.